



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Pakir Makin Teruk' dari Orang Yang Teraniaya, Kuala Lumpur yang disiarkan melalui segmen Forum, Utusan Malaysia pada 27 Mac 2010.

PPj ingin memaklumkan bahawa Pengurusan Tempat Letak Kenderaan (TLK) di semua premis Kompleks Kerajaan di Putrajaya adalah tertakluk di bawah bidangkuasa Agensi/Kementerian masing-masing. Namun demikian, bagi mengatasi masalah TLK yang semakin meruncing ini, orang ramai adalah digalakkan untuk meletak kenderaan di kawasan Park & Ride di Presint 1 dan menaiki bas yang sememangnya tersedia untuk ke Kompleks Pejabat Kerajaan. Kemudahan pas bulanan juga tersedia untuk mengurangkan bebanan tambang bas di kawasan Putrajaya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 Mac 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Utusan Malaysia
Segmen : Forum
M/s : 12
Tarikh : 27 Mac 2010

PARKIR MAKIN TERUK

SUDAH dua minggu kedatangan kami ke pejabat di Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dengan kad waktu bercetak warna merah. Ini semua disebabkan masalah meletakkan kenderaan (parkir) yang semakin meruncing di Kompleks D, bukan sahaja kepada pelawat, malah kini ia merebak kepada kakitangan yang bekerja.

Ini kerana semua tempat letak kenderaan yang selama ini boleh dimasuki oleh kakitangan telah di halang oleh pihak yang bertanggungjawab. Hanya mereka yang bergred 48 ke atas sahaja yang layak meletak kereta. Padahal jika diamati, banyak lagi tempat letak kenderaan yang masih kosong dan boleh diletakkan kenderaan.

Ada pihak menyuruh kami menggunakan pengangkutan awam, tetapi tidakkah mereka pernah terfikir tentang masalah kami yang tinggal di Seremban, Klang, Banting, Sungai Buluh dan sebagainya.

Kami juga perlu menghantar anak ke sekolah, pusat jagaan kanak-kanak dan sebagainya, memang kami tak akan sempat, inikan pula hendak menunggu bas.

ORANG YANG TERANIAYA

Sentul, Kuala Lumpur